

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA. PENGGAL KEEMPAT.**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS.**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA YB TUAN NG WEI AIK**

**[TANJONG]**

**TARIKH 15 MAC 2016 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]** minta **Perdana Menteri** menyatakan sama ada rayuan akan dikemukakan oleh Pendakwa Raya terhadap keputusan kes Jenayah 83-1250-09/2015 yang melibatkan Pendakwa Raya lawan Tan Eng Hock atas sebab si mangsa iaitu Tung Ee Lun tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah terhadap kes tersebut (No. Repot Polis: JELUTONG/006198/15).

**JAWAPAN:**

**YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kes Pendakwa Raya lawan Tan Eng Hock merupakan kes di bawah Seksyen 324 Kanun Keseksaan [*Akta 574*] ke atas tertuduh yang telah menyebabkan kecederaan terhadap mangsa iaitu Tung Ee Lun. Tertuduh telahpun mengaku bersalah pada 16 November 2015 dan Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak lima ribu ringgit (RM5,000.00) dan sekiranya gagal membayar denda tersebut, tertuduh boleh dikenakan hukuman pemenjaraan selama tujuh (7) bulan.
2. Mahkamah telah mengambil kira beberapa faktor sebelum menjatuhkan hukuman tersebut, antaranya adalah pengakuan bersalah tertuduh, kesalahan ini merupakan kesalahan pertama tertuduh dan tertuduh juga mengalami penyakit jantung dan mendapat rawatan di Hospital Pulau Pinang.
3. Pihak pendakwaan telah meneliti keputusan dan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah dan memutuskan untuk tidak membuat rayuan ke atas keputusan dan hukuman bagi kes tersebut.

Sekian, terima kasih.